

Guna cakera keras dalam komputer baharu

BOLEHKAN saya memasukkan cakera keras bagi sebuah komputer lama ke dalam komputer baharu?

- Arifin, Temerloh Makmur.

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Terima kasih. Bagi membolehkan sesebuah cakera keras atau *hard disk* itu boleh dibaca menerusi komputer yang baharu, dua perkara penting perlu dilihat iaitu sistem fail bagi perisian sistemnya dan spesifikasi fizikal yang dimilikinya.

Bagi perisian sistem atau sistem fail, kebanyakan sistem

fail lama boleh dibaca menerusi sistem pengoperasian versi baru seperti terdapat dalam sistem Windows. Namun begitu, hampir kesemua sistem pengoperasian versi lama agak sukar atau tidak boleh membaca sistem fail

baharu yang terdapat di dalam sesebuah cakera keras.

Keduanya, kebiasaan bagi struktur sambungan fizikal sesebuah cakera keras atau *port* bagi komputer peribadi terdiri daripada dua jenis iaitu sambungan berasaskan kepada IDE atau sambungan berasaskan kepada SATA. Jadi, pastikan komputer baharu berupaya membaca jenis sambungan fizikal bagi cakera keras lama.

Kebanyakan komputer lama menggunakan jenis sambungan IDE dan komputer baharu menggunakan jenis sambungan SATA. Sekiranya tidak, ada

pelbagai cara boleh digunakan untuk membolehkan komputer baharu membaca sambungan cakera keras lama seperti penggunaan kabel pertukaran *port* dan lain-lain.

Seterusnya, dibincangkan cara untuk membolehkan komputer baharu membaca cakera keras daripada komputer lama.

1 Pasangkan cakera keras lama ke dalam komputer baharu menerusi *port* sambungan yang betul. Sebelum itu, terdapat tiga jenis konfigurasi bagi sambungan jenis IDE iaitu *Master*, *Slave* atau *Cable Select*

yang boleh disetkan menerusi pelompat atau *jumper* yang terdapat pada pin-pin *port* IDE bagi cakera keras tersebut. Cara untuk konfigur mod-mod ini terdapat pada permukaan badan dan di tepi *port* IDE pada cakera keras. Biasanya, cakera keras tambahan ini disetkan sebagai *Slave* atau *Cable Select* sekiranya cakera keras utama disetkan sebagai *Cable Select*.

2 Jadikan cakera keras lama ini sebagai cakera keras luaran pada komputer baharu dengan memasukkannya ke dalam bekas pemacu USB luaran atau *external USB drive enclosure*.

Pastikan saiz dan spesifikasi kedua-duanya bersesuaian. Kemudian, hubungkan sahaja kepada komputer baharu menerusi *port* USB.

Setelah itu, pastikan sistem BIOS atau UEFI pada komputer baharu dapat membaca cakera keras lama itu. Seterusnya, barulah pastikan sistem pengoperasian komputer baharu dapat membaca cakera keras lama tersebut. Biasanya, sistem pengoperasian baharu dan sistem BIOS/UEFI akan mengesani cakera keras lama itu secara automatik. Sekiranya tidak, setkannya secara manual.